

# SPL terima kunjungan rombongan University of Hertfordshire

UB 17-4-13 B2

**SANDAKAN:** Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima kunjungan Timbalan Ketua Jabatan Pengurusan, Kepimpinan dan Organisasi di University of Hertfordshire Business School, Berkhamsted, United Kingdom, Dr Susan Mary Martin, baru-baru ini.

Susan juga merupakan ahli Programme Advisory Committee (PAC) kepada Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB). Beliau merupakan salah seorang pakar dalam industri Kelapa Sawit di Afrika dan Malaysia,

Susan banyak melakukan penulisan tentang perkembangan industri kelapa sawit di Malaysia. Bersama dengan beliau ialah Dr Martin Lockett yang merupakan Dekan Pembangunan Akademik di Ashridge Business School.

Antara tujuan lawatan

berkenaan adalah untuk membincangkan aktiviti penyelidikan bersama dengan Sekolah Pertanian Lestari (SPL) mengenai pembangunan industri kelapa sawit di Malaysia, khususnya di Sabah.

Menurut Ketua Projek Penyelidikan merangkap Ketua Program Pengeluaran Ternakan, Dr Bonaventure Boniface, satu kajian awal berkenaan pembangunan industri kelapa sawit dan impaknya kepada pekebun kecil telah dilaksanakan pada tahun lalu dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah, University of Westminster dan University of Hertfordshire.

Hasil kajian telah dibentangkan kepada MPOB.

Pihak SPL dalam rangka kerja untuk mencadangkan satu lagi penyelidikan berskala besar dengan kerjasama MPOB bagi memastikan kebajikan dan perkembangan pekebun kecil dalam industri kelapa sawit dipantau dan dipelihara.

Susan juga akan menyampaikan syarahan perdana bertajuk "Smallholders and innovation for sustainability in the palm oil industry" kepada pelajar dan ahli akademik.

Turut hadir menyambut ketibaan rombongan dari luar negara itu ialah kedua-dua Timbalan Dekan, Dr Suzan Benedict @Sarah Abdullah

dan Dr Mohamadu Boyie Jalloh.

Hadir sama ialah Ketua Program Holtikultur dan Landskap, Dr Jupikely James Silip, Ketua Program Pengeluaran Tanaman, Prof Madya Dr Azwan Awang, Penolong Pendaftar Kanan SPL, Roslan Gimba, Dr Ha Hou Cheu dan Assis Kamu.



**SUSAN (dua kiri) menerima cenderamata daripada wakil Sekolah Pertanian Lestari UMS.**